

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.3()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 1 TAHUN 2023**

Tarikh : 31 Januari 2023 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi – 11.40 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik , Penolong Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JANUARI 2023

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Januari 2023 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN TIMBALAN DATUK BANDAR

Timbalan Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang pertama bagi tahun 2023. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Timbalan Datuk Bandar mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada YBhg. Dato' Johary bin Anuar, mantan Datuk Bandar MBSJ di atas pelantikan sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bermula 30 Januari 2023.

- ii) Timbalan Datuk Bandar juga berkongsi beberapa amanat yang telah disampaikan oleh Pemimpin Malaysia. Amanat pertama daripada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia berkenaan Membangun Malaysia Madani : Visi dan Kerangka Dasar Reformasi yang disampaikan dalam Majlis Pelancaran Wacana Membangun Malaysia Madani di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 19 Januari 2023 yang lepas.

Perdana Menteri Malaysia telah memperkenalkan pendekatan dan konsep baharu iaitu Membangun Malaysia Madani untuk memetakan strategi bagi mentadbir Negara dengan berkesan. Konsep ini dirangkulkan peradaban dan ditakrifkan dengan enam

rukun iaitu kemampanan, kesejahteraan, berdaya cipta, saling menghormati, mempunyai keyakinan dan bersifat insan.

Konsep ini sebagai usaha mengemudi serta mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia. Agenda dasar kerangka MADANI bukan sahaja memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah dan memenuhi keperluan negara, tetapi turut menyentuh pencorakan masa hadapan serta memenuhi potensi rakyat serta negara.

Malaysia Madani menggambarkan kepercayaan yang dicerna antara kerajaan dan rakyatnya berdasarkan pada asas ketelusan dan kerjasama. Nilai manusiawi, sahsiah, akhlak dan akauntabiliti penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara unggul yang disegani oleh rakan di rantau nusantara.

Selain tata kelola membanteras salah laku rasuah, ketirisan serta pembaziran wang rakyat di semua peringkat bagi pemulihan semula ekonomi negara, budaya ilmu juga turut diperkasa semula dan diterap dalam kehidupan harian.

Seterusnya, dalam amanat kedua Perdana Menteri berucap semasa perjumpaan bersama warga kerja bagi bulan Januari pada 16 Januari 2023 di Bangunan Perdana Putra, menegaskan supaya warga perkhidmatan awam tidak mengamalkan budaya selesa

sebaliknya bertekad untuk terus melaksanakan perubahan dalam pentadbiran negara.

Perdana Menteri berkata “dalam apa-apa jua sistem, perlu ada keinginan dan hasrat untuk membawa perubahan. Sudah mantap sistem yang bergerak puluhan tahun tapi harus ada kesediaan rendah diri untuk mengakui, ada kekuatannya tetapi bila kita letak tokoh baharu, harus ada hasrat untuk membawa perubahan dan tidak harus ada budaya selesa iaitu *culture of contentment* yang menggigit kita.”

Manakala amanat ketiga pula merupakan amanat Tahun Baharu Menteri Kementarian Perumahan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming pada 9 Januari 2023 memaklumkan bahawa KPKT akan memastikan perkhidmatan asas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti jalan raya rata, kebersihan tandas awam, lampu terang dan longkang bersih merupakan misi utama dalam menyampaikan khidmat terbaik kepada rakyat. Ini termasuklah memastikan jalan raya rata dan tidak berlubang, pemasangan lampu yang terang, longkang yang bersih dan tidak tersumbat serta tandas-tandas awam yang bertaraf ‘BMW’ iaitu Bersih, Menawan dan Wangi.

Pada masa yang sama YB Menteri juga turut menggariskan supaya garis panduan, dasar, peraturan dan SOP yang dilaksanakan haruslah menambah kecekapan dan memperbaiki penyampaian perkhidmatan.

Pendekatan nilai-nilai murni yang selari dengan budaya Melayu yang sebenar seperti ringan tulang, sopan santun, berbudi bahasa, berjimat-cermat, saling hormat-menghormati, kepimpinan melalui teladan dan menyayangi alam sekitar akan diterapkan sebagai amalan teras dalam budaya kerja bagi memperbaiki penyampaian perkhidmatan.

Pendekatan konsep ABCD yang dirangkumkan sebagai :

A: Amanah, Adil dan Arif;

B: Bersih dan Bela;

C: Cekap, Cergas dan Cepat; dan

D: Disiplin.

Melalui gabungan budaya kerja dan pendekatan konsep 'ABCD', organisasi akan terus berdaya saing untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh rakyat Malaysia.

Selain daripada itu, agensi juga diingatkan supaya meningkatkan langkah-langkah penjimatan seperti :

- a) Bersederhana dalam penganjuran majlis dan mengelakkan keraian mewah;
- b) Tidak melakukan pengubahsuaian yang tidak diperlukan;
- c) Merancang projek secara lebih teliti untuk memastikan unjuran yang tepat bagi mengelakkan peningkatan kos yang mendadak.

- iii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan berkenaan Proses Bil Cukai Taksiran MBSJ bagi penggal pertama Januari sehingga Jun 2023 telah dilaksanakan pada 29 November 2022 melibatkan 275,843 pegangan harta. Pihak Majlis menyasarkan kutipan hasil cukai semasa penggal pertama 2023 sebanyak RM 91 juta.

Sukacita dimaklumkan, MBSJ memberikan keistimewaan kepada para pelanggan dengan menawarkan rebat sebanyak RM15.00 sebagai tanda penghargaan kepada semua pembayar cukai yang menjelaskan cukai sebelum atau pada 28 Februari 2023 serta membuat pembayaran untuk tempoh setahun tanpa tunggakan cukai melalui 4 jenis saluran bayaran iaitu di portal MBSJ, Aplikasi MBSJ (EzyPay MBSJ-boleh menggunakan platform IOS ataupun Android), kiosk bayaran MBSJ atau melalui aplikasi e-Masspro.

- iv) Timbalan Datuk Bandar juga memberitahu bahawa MBSJ akan menerima panel penilai bagi sesi auditan Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Peringkat Negeri Selangor pada 9 Februari 2023 (Khamis).

Anugerah ini merupakan antara anugerah Kerajaan Negeri Selangor yang terpenting sebagai pengiktirafan pengukuran prestasi Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan di Negeri Selangor.

- v) Seterusnya pemakluman berkenaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 akan diadakan pada 17 Februari 2023 (Jumaat), jam 8.00 malam bertempat di SACC Mall, Shah Alam. Majlis ini adalah bagi meraikan kakitangan MBSJ iaitu seramai 117 kakitangan yang akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 19 orang kakitangan yang bersara.

Selain daripada itu terdapat 3 anugerah khas yang akan disampaikan iaitu Anugerah Khas Inovasi (Antarabangsa dan Kebangsaan) sebanyak 3 kumpulan, Anugerah Khas Sukan (Antarabangsa dan Kebangsaan) seramai 10 orang dan 1 Anugerah Khas Datuk Bandar.

- vi) Pemakluman berkenaan Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan MBSJ Tahun 2023 akan diadakan selama 3 hari mengikut zon bermula 7 hingga 9 Mac 2023 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ, Taman Puchong Indah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Zon
i.	7 Mac 2023 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none">▪ Subang Jaya▪ Kinrara
ii.	8 Mac 2023 (Rabu)	<ul style="list-style-type: none">▪ Puchong▪ Putra Heights
iii.	9 Mac 2023 (Khamis)	<ul style="list-style-type: none">▪ Serdang▪ Seri Kembangan

MBSJ telah menyediakan sebanyak 26 lokasi Bazar Ramadan meliputi Subang Jaya (7 lokasi), Kinrara (2 lokasi), Puchong (8 lokasi), Putra Heights (2 lokasi) dan Serdang / Seri Kembangan (7 lokasi).

Rakan sinergi juga turut dilibatkan bagi menjayakan karnival ini. Taklimat pengurusan bazar Ramadan kali ini merangkumi lokasi bazar Ramadan, kadar bayaran permit, proses pemilihan peniaga dan penentuan petak niaga, syarat-syarat permit dan pelan kawalan keluar masuk mengikut lokasi.

- vii) Timbalan Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Program Subang Jaya Coffee Talk pada tahun 2023 telah memasuki siri yang ke empat. Program mingguan ini diadakan secara langsung pada setiap hari Selasa jam 12.30 tengahari dengan membawa ikon dan tokoh dalam pelbagai bidang bagi mengupas isu serta persoalan bagi tontonan komuniti yang menonton dengan membawa tema program iaitu "hari ini lebih baik dari semalam".

Pada minggu ini Program Subang Jaya Coffee Talk akan membawakan panelis Encik Ismail bin Abdullah, Presiden 'International Green Training Center Sdn. Bhd. (IGTC) dengan membawa topik 'Teknologi Hijau ke arah Kelestarian Pembangunan Sejagat'.

- viii) MBSJ akan menganjurkan Program Selamat Pagi Subang Jaya - Hari Tanpa Kenderaan pada 5 Februari 2023 (Ahad) bertempat di Jalan Kemajuan, Subang Jaya (berhadapan Aeon Big dan Subang Parade) bermula jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Program yang diadakan pada setiap hari Ahad minggu pertama setiap bulan ini merupakan edisi yang ke tujuh bermula daripada bulan Ogos tahun 2022.

Pada edisi kali ini, beberapa aktiviti tambahan akan berlangsung bagi menarik ramai pengunjung menyertai program ini antaranya Endurance Challenge (Basikal), Eco Free Market (EFM), Kejohanan Push Bike, Pertandingan Buskers, Kejohanan Street Soccer Piala Datuk Bandar dan pelbagai lagi aktiviti riadah akan dijalankan.

Selain daripada itu, aktiviti larian santai, berjalan santai, berbasikal santai, Pesta Sarapan, Foodtruck, Car Boot Sale, pemeriksaan kesihatan percuma, aktiviti memanah, bekam, *abseiling*, *rope repelling* serta cabutan bertuah akan diadakan seperti biasa.

Warga kerja serta penduduk di kawasan pentadbiran Majlis dijemput hadir beramai-ramai bagi memeriahkan dan menyokong program tersebut.

- ix) Timbalan Datuk Bandar memaklumkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina peringkat MBSJ akan diadakan pada 11 Februari 2023 (Sabtu) bertempat di Dewan Batu 14, Puchong bermula jam 6.00 petang hingga jam 10.00 malam. Semua penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ dijemput hadir bagi memeriahkan majlis.
- x) Seterusnya pemakluman berkenaan kejayaan MBSJ seperti berikut :

a) Anugerah Kecemerlangan Perancangan MIP

Majlis Makan Malam bagi penyampaian Anugerah Kecemerlangan Perancangan MIP (*MIP Planning Excellence Awards*) MIPPEA tahun 2022 telah diadakan pada 16 Januari 2023 bertempat di Ballroom, Majestic Hotel Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur.

MBSJ telah memenangi '*Gold Award*' bagi projek yang dipertandingkan iaitu Smart Vibrant City : Subang Jaya, Pelan Strategik Majlis Bandaraya Subang Jaya 2020-2025. Seterusnya, bagi kategori '*Innovative Planning Award*' pula telah memenangi '*Browns Award*' dengan projek '*Greenhouse Gas Inventory Management System*' (GIMS).

b) Anugerah Integriti, Governans Dan Antirasuah (AIGA) 2022

Tahun 2022 menyaksikan buat julung kalinya Institut Integriti Malaysia (IIM) memperkenalkan AIGA ke peringkat kebangsaan. Terdapat 4 kategori Anugerah iaitu Anugerah Platinum, Anugerah Emas, Anugerah Perak dan Anugerah Gangsa.

Sebanyak 115 organisasi merangkumi sektor awam dan swasta dari seluruh negara telah menyertai anugerah ini dan Majlis Bandaraya Subang Jaya telah berjaya merangkul Anugerah Perak bagi AIGA 2022.

Trofi kemenangan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia dalam Majlis Penyampaian Anugerah Integriti, Governans Dan Antirasuah (AIGA) 2022 yang telah berlangsung pada 18 Januari 2023 di Auditorium Institut Integriti Malaysia.

Dengan penyertaan kali pertama dalam AIGA ini, MBSJ merupakan agensi awam pertama di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang menerima Anugerah Perak. Oleh itu, MBSJ akan terus berusaha menambahbaik tata kelola atau tadbir urus organisasi dan sistem kawalan dalaman serta meningkatkan lagi pengurusan dan pembudayaan integriti di kalangan warga kerja selaras dengan Pelan Antirasuah MBSJ 2022-2026.

c) Pertandingan Inovasi MALA – Piala YB Menteri KPKT

MBSJ telah berjaya memasuki peringkat akhir bagi kategori Bandaraya melalui penyertaan projek *City Performance Monitoring System* oleh Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik. Tarikh akhir pertandingan adalah pada 9 Februari 2023. Pertandingan ini menawarkan geran keseluruhan bernilai RM 3.04 juta (geran), wang tunai RM 31,500.00 serta piala pusingan.

d) Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA)

MBSJ telah menghantar pasukan karom dan sepak takraw ke Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) tahun 2022. Pasukan karom berjaya mendapat tempat ketiga dan pasukan sepak takraw mendapat tempat keempat. Syabas dan tahniah kepada pasukan MBSJ yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam kejohanan tersebut.

- xi) Seterusnya pemakluman berkenaan program Majlis Pecah Tanah Medan Selera SS19, Subang Jaya yang telah diadakan pada 30 Januari 2023 (Isnin) bertempat di tapak gerai, Jalan SS19/6, Subang Jaya jam 9.00 pagi.

Projek Pembangunan Medan Selera MBSJ SS19 Subang Jaya ini berkeluasan 1.826 ekar telah mula dibina pada 8 Disember 2022

dan dijangka siap sepenuhnya pada 11 Oktober 2023 dengan kos keseluruhan sebanyak RM 2.9 juta.

Pembinaan medan selera ini merangkumi 20 unit gerai dilengkapi 90 tempat letak kereta, 16 tempat letak motorsikal serta 4 tempat letak kereta OKU. Selain daripada itu, antara kemudahan lain yang disediakan ialah kemudahan surau dan tandas awam.

MBSJ dengan sukacitanya dapat melaksanakan projek ini yang akan memberi manfaat kepada seluruh komuniti bandar raya terutamanya peniaga kecil selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) iaitu SDG 3 : *Good Health an Well Being* dan SDG 11 : *Sustainable Cities and Communities*.

- xii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu Epid 4 iaitu antara 22 sehingga 28 Januari 2023, terdapat sebanyak 611 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ berbanding 556 kes dalam tempoh sama pada tahun 2022 melibatkan 10 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ.

Lokaliti hotspot yang paling banyak mencatatkan kes demam denggi adalah di Desa Minium Rimba, Lestari Perdana dengan

30 kes dalam tempoh 66 hari dan di USJ 9/5 dengan 30 kes dalam tempoh 49 hari.

Kes demam denggi di Malaysia sedang meningkat pada tahun ini dengan kemuncak peningkatan kes dijangka berlaku sekitar pertengahan tahun sekiranya tiada tindakan drastik diambil. Sehubungan dengan itu, masyarakat diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bersih dan bebas dari tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellan apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi.

- xiii) Timbalan Datuk Bandar mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina dan Selamat Hari Ponggal kepada semua penduduk dan warga kerja yang meraikannya. Semoga sambutan ini membawa kemakmuran, kesejahteraan, keceriaan, kebahagiaan dan kesihatan yang lebih sempurna kepada semua.

Beliau juga mengucapkan Selamat Hari Thaipusam kepada penganut Hindu yang akan menyambutnya pada 5 Februari akan datang.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 12/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.12/2022 bertarikh 29 Disember 2022 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 12/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.12/2022 bertarikh 29 Disember 2022 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH DAN MENANDATANGANI WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS DAN PENUBUHAN JAWATANKUASA, PENENTUAN BIDANG TUGAS SERTA PENYUSUNAN AHLI MAJLIS SEBAGAI PENGERUSI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2023

Minit Mesyuarat Majlis Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watikah Pelantikan Ahli Majlis dan Penubuhan Jawatankuasa, Penentuan Bidang Tugas Serta Penyusunan Ahli Majlis sebagai Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang

Jaya bagi penggal 2023 bertarikh 5 Januari 2023 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

7.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

7.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 24/2022 bertarikh 21 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 1/2023 bertarikh 10 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.3 (a) (d)& m/s 58	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Kebenaran Merancang	Beliau memohon supaya dimasukkan syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			MBSJ.JPB.BP3. 600-1/1/45	para d. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta Jabatan Perancangan Bandar memasukkan syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam para d. Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar

7.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 1/2023 bertarikh 10 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 8.1.3 & m/s 8	Tuan Ar. Kamarul	Geran Komuniti	Beliau mencadangkan supaya dilaksanakan sesi town hall

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		Hisham bin Hj.Yeop Hashim		<p>bagi memberikan penerangan kepada penduduk dan komuniti berkenaan Geran Komuniti MBSJ.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa MBSJ telah membuat hebahan menyeluruh menggunakan media massa dan terdapat 11 pertanyaan berkaitan geran tersebut telah diterima.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya dilaksanakan taklimat khas berkenaan geran tersebut kepada Ahli Majlis yang berminat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>

7.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 1/2023 Bertarikh 10 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.12 & m/s 17	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Permohonan Peruntukan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya 2023	Beliau mencadangkan supaya peruntukan kerja-kerja inden MPP sebanyak RM 98,000.00 digunakan untuk pelaksanaan inden atau program pangsapuri angkat. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat membuat kaji selidik kepada semua MPP berkenaan cadangan menggunakan peruntukan inden sama ada bagi melaksanakan projek inden atau program pangsapuri

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>angkat.</p> <p>Cadangan ini perlu dikaji dan dibentangkan dalam mesyuarat untuk diwujudkan dasar baharu.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

7.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2023 Bertarikh 16 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 4.3 & m/s 11	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Kertas Laporan Skim Kemudahan Perkhidmatan Perubatan Majlis	Beliau telah mencadangkan supaya MBSJ memberikan insuran berkelompok kepada semua AJK MPP tetapi perkara ini tidak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Bandaraya Subang Jaya Tahun 2022	<p>diminitkan dalam minit mesyuarat.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa cadangan ini memerlukan kajian dan penelitian yang terperinci serta perlu melihat kepada keupayaan kewangan Majlis kerana akan melibatkan kos yang tinggi. Cadangan ini akan dikaji dan dibentangkan dalam mesyuarat untuk diperhalusi.</p> <p>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>

7.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2023 Bertarikh 17 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2023 Bertarikh 17 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2023 Bertarikh 18 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 7.6 (i) (ii) &	Encik Thamilarusu	Hal-hal Lain	Beliau meminta supaya dibuat pindaan minit terhadap perkara

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
	m/s 13, 14	a/l Sandayan		<p>berikut :</p> <p>i) Para i, meminda perkataan SJK CC Kung Mon kepada SJK Cina Kung Man.</p> <p>ii) Para ii, meminda perumah kepada perumahan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar membuat pindaan terhadap perkara tersebut.</p> <p>Tindakan: Jabatan Kesihatan</p>

7.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2023 Bertarikh 19 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 4.1 & m/s 2	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Cadangan Penambahbaikan Lalulintas di Persimpangan Jalan USJ 17/1 dengan Jalan Usaha, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Beliau memohon supaya Majlis melaksanakan cadangan membuat simulasi lampu isyarat di lokasi tersebut. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta supaya Jabatan Kejuruteraan membentangkan cadangan simulasi tersebut dalam mesyuarat akan datang. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

7.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2023 Bertarikh 19 Januari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

8.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

8.1 Kertas Permohonan Penukaran Zon MPP Ahli Majlis Parti PKR, Majlis Bandaraya Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil.1/1/2023)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas permohonan penukaran zon MPP Ahli Majlis Parti PKR seperti berikut :

PERKARA	ZON MPP 5	ZON MPP 14
Pengerusi MPP Baharu	Puan Tanujah a/p Debul Singh	Encik Ahmad Danish bin Hairudin
Lokasi MPP	<ul style="list-style-type: none">▪ Taman Batu Tiga▪ Taman Mutiara Subang▪ Taman Perindustrian Subang▪ Taman Perindustrian Subang Hi-Tech▪ Taman Perindustrian UEP▪ Taman Pinggiran USJ▪ Taman Subang Heights	<ul style="list-style-type: none">▪ Taman Puchong Permai▪ Taman Desa Millenia▪ Taman Puchong Prima▪ Taman Tasik Prima▪ Taman Puchong Tekali

PERKARA	ZON MPP 5	ZON MPP 14
	<ul style="list-style-type: none">▪ Taman Subang Mas▪ Taman USJ Heights▪ Tropicana Metropark	<ul style="list-style-type: none">▪ Taman Pinggiran Prima

Tindakan :
Jabatan Khidmat Pengurusan /
Jabatan Pembangunan Masyarakat

9.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Yap Kok Weng, wakil daripada Parti DAP.

10.0 PENUTUP

Timbalan Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

Tarikh Disediakan : 2 Februari 2023

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(IR. ROSLI BIN MOHAMMAD YUNUS), K.M.N , P.J.K

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. - Pengerusi
Timbalan Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K. - Setiausaha
Timbalan Setiausaha Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
3. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - "
4. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
5. Encik Chia Yew Ken - "
6. Encik Thomas Low Yew Sin - "
7. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
8. Encik Teh Eng Teck - "
9. Puan Ng Seow Chen - "
10. Encik Thong Kim Fatt - "
11. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 12. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 13. | Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin | - | " |
| 14. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 15. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 16. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 17. | Encik Ahmad Danish bin Hairudin | - | " |
| 18. | Puan Tanujah a/p Debul Singh | - | " |
| 19. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 20. | Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha | - | " |
| 21. | Encik Khairol Basri bin M.Arif | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

5. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
14. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
15. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
16. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

18. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - Ahli Majlis
2. Puan Lee Jen Uyin - Ahli Majlis

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan